

## **Exco namakan bayi Muhammad Ehsan Adha**

**KUANTAN** - Bayi lelaki yang dijumpai orang awam di dalam semak berhampiran Kuarters Kerajaan Desa Kenanga Muadzam Shah, Rompin, pada Jumaat lalu diberi nama Muhammad Ehsan Adha.

Nama itu diberikan Exco Pembangunan Wanita dan Keluarga, Komunikasi dan Multimedia negeri, Datuk Shahaniza Shamsuddin sempena Hari Raya Aidiladha tidak lama lagi.

Shahaniza berkata, keadaan bayi lelaki itu semakin baik selepas dirawat di Hospital Muadzam Shah, Rompin.

Menurutnya, dia berpuas hati dengan perkembangan positif bayi berkenaan dan tindakan yang diambil Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Pahang.

“Buat masa ini, Muhammad Ehsan akan diletakkan di bawah perlindungan

JKM selepas perintah sementara akan di peroleh JKMD dari mahkamah mengikut Akta Kanak-Kanak 2001 bagi menempatkannya di Institusi Kanak-Kanak JKMD.

“Kita juga akan teliti bantuan yang diperlukan selain bantuan segera RM300 yang diberikan,” katanya ketika melawat bayi berkenaan di Hospital Muadzam Shah, semalam.

Hadir sama, Pengarah JKMD Pahang, Zulkhairi Zainol Abidin.

Jumaat lalu, *Sinar Harian* melaporkan mengenai penemuan seorang bayi lelaki tanpa pakaian dengan tali pusat dan uri dalam bungkus plastik dalam semak.

Bayi seberat 2.6 kilogram yang masih hidup itu ditemui oleh seorang lelaki Pakistan yang kemudian memaklumkan kepada orang awam.



**Shahaniza memangku bayi lelaki yang diberi nama Muhammad Ehsan Adha di wad kanak-kanak Hospital Muadzam Shah.**